

Sekuriti Islam nikmati layanan cukai sekuriti konvensional

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kerajaan mencadangkan layanan cukai lebih bersepadu disediakan untuk penerbitan sekuriti Islam menyamai sekuriti konvensional.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, galakan potongan cukai diberikan juga ke atas perbelanjaan menerbitkan sekuriti Islam menggunakan prinsip Istisna' untuk tempoh lima tahun di mana aset-aset hartanah dalam pembinaan boleh dijadikan sandaran.

Beliau berkata, Malaysia kini menjadi model dalam perkembangan sistem kewangan Islam terutamanya di kalangan negara Islam di dunia.

Katanya, di peringkat antarabangsa, Malaysia merupakan negara terulung di dunia yang menerbitkan bon global Islam Sukuk Al-Ijarah berjumlah AS\$600 juta yang mendapat lebih langganan dua kali ganda.

Dr. Mahathir berkata, untuk menggalakkan syarikat dan institusi kewangan yang mematuhi prinsip syariah membuat pelaburan di Labuan, kerajaan mencadangkan syarikat luar pesisir Labuan diberi rebat cukai yang bersamaan dengan jumlah zakat yang telah dibayar, tertakluk kepada had minimum RM20,000 atau tiga peratus dari keuntungan bersih.